

**Para Usahawan Perlu Bercita-cita Besar Untuk Kuasai Pasaran Global - Menteri Singapura
Bernama
22 Ogos 2011**

SINGAPURA, 22 Ogos (Bernama) -- Para usahawan Singapura, termasuk yang baru bermula, perlu bercita-kita dan mengambil peluang untuk menguasai agihan pasaran global.

Menteri Negara Bagi Perdagangan dan Industri Teo Ser Luck berkata, sebagai usahawan, mereka perlu bercita-cita tinggi dan berfikir secara global dan tidak terikat kepada pasaran domestik.

"Dunia ini adalah pasaran anda. dengan adanya cita-cita untuk menguasai pasaran akan membantu anda merebut peluang di sana. Kejayaan besar menanti anda yang bersedia menahuti cabaran," katanya semasa berucap pada Persidangan Enterpris Permulaan di sini Isnin.

Persidangan itu dianjurkan bersama oleh Lembaga Pengawal Atur Perakaunan dan Korporat, Biro DB dan "Action Community for Entrepreneurship."

Menteri itu berkata syarikat permulaan adalah satu bahagian penting Republik itu, kerana ia merupakan sebahagian penting untuk muncul sebagai syarikat yang besar.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=609533>